



## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

**PENINGKATAN HAD SILING GAJI BAGI MAKSUD CARUMAN DARIPADA RM4,000 KEPADA RM5,000 DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4] DAN AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]**

**1. Bilakah tarikh kuatkuasa had siling gaji baharu RM 4,000.00 ke RM 5,000.00?**

- 
- Tarikh kuatkuasa had siling gaji baharu RM 4,000.00 ke RM 5,000.00 adalah pada **1 September 2022**.

**2. Adakah had siling gaji baharu terpakai untuk pekerja asing dan pekerja tempatan?**

- 
- Ya. Walau bagaimanapun, pekerja asing tidak diliputi di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

**3. Adakah dengan peningkatan had siling gaji baharu RM4,000.00 ke RM5,000.00 kadar faedah meningkat?**

- 
- Ya. Kadar faedah meningkat selaras peningkatan had siling gaji baharu ini.

**4. Bagaimanakah majikan boleh mendapat maklumat kadar caruman baharu?**

- 
- Majikan boleh mendapatkan maklumat kadar caruman baharu dengan melayari laman web PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my)

**5. Bagaimanakah majikan boleh mendapatkan maklumat Pekeliling Majikan?**

---

- Majikan boleh mendapatkan maklumat Pekeliling Majikan mengenai peningkatan had siling gaji baharu RM4,000.00 ke RM5,000.00 dengan melayari laman web PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**6. Nyatakan tempoh peralihan majikan untuk mematuhi kadar caruman yang baharu?**

---

- Tempoh peralihan majikan untuk mematuhi kadar caruman yang baharu adalah selama enam (6) bulan mulai dari **1 September 2022 hingga 28 Februari 2023**.

**7. Adakah majikan akan dikenakan penalti (FCLB) di dalam tempoh peralihan?**

---

- Tidak.

**8. Adakah majikan wajib mematuhi kadar siling gaji baharu?**

---

- Ya, kerana ianya merupakan keperluan mandatori dari segi undang-undang.

**9. Adakah semua kakitangan awam yang layak dicarum mengikut kadar siling gaji baharu?**

---

- Ya, bagi kakitangan awam yang berstatus kontrak dan sementara di bawah Akta 4. Walau bagaimanapun kakitangan awam tidak diliputi di bawah Akta 800.

**10. Berapakah kadar caruman bagi gaji yang melebihi RM5,000.00?**

---

- Kadar caruman bagi gaji yang melebihi RM5,000.00 adalah sebanyak RM111.40 bagi Jenis Pertama dan RM 61.90 bagi Jenis Kedua di bawah Akta 4. Manakala bagi Akta 800 adalah sebanyak RM19.80.

**11. Berapakah kadar caruman Jenis Pertama bagi gaji yang yang melebihi RM3,900.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00 bagi pindaan baharu ?**

---

- Kadar caruman tersebut adalah RM88.90.

**12. Bagaimanakah pembayaran caruman boleh dibuat ?**

---

- Majikan boleh membuat pembayaran caruman melalui kaedah berikut:-
  - (i) Pembayaran melalui *Online Portal (FPX)*
  - (ii) Perbankan internet
  - (iii) Kaunter Bank yang dilantik sebagai ejen pemungut seperti berikut:-
    - Maybank Berhad
    - Public Bank Berhad
    - RHB Bank Berhad

**13. Berapakah kadar caruman (Pindaan 2022) yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja di bawah Akta 4 dan Akta 800?**

---

- Kadar caruman yang perlu dibayar adalah sebagaimana ditetapkan pada Jadual Ketiga, Akta 4 dan Jadual Kedua, Akta 800 ataupun boleh dirujuk di pautan [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi nombor **Careline PERKESO** di talian 1-300-22-8000 atau layari laman web rasmi PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau e-mel kepada [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)

Dikeluarkan oleh:

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**Dikemaskini pada: 1 SEPTEMBER 2022**